



KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA

BUKU PANDUAN



PROGRAM PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH



KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA

BUKU PANDUAN

PROGRAM PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH

KANDUNGAN

Kata Pengantar	3
Tujuan dan Latar Belakang	4
BAB 1. Jawatankuasa Program Pegawai Perubatan Siswazah	5
1. Jawatankuasa Di Peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia	
2. Jawatankuasa Di Peringkat Negeri	
3. Jawatankuasa Di Peringkat Hospital	
4. Jawatankuasa Di Peringkat Jabatan	
5. Lain-lain	
BAB 2. Tugas Dan Tanggungjawab Pakar.....	8
1. Peranan Pakar Sebagai Koordinator PPS	
2. Peranan Pakar Sebagai Penyelia PPS	
3. Profesionalisme Dalam Memberikan Perkhidmatan Dan Latihan	
BAB 3. Lantikan dan Tempoh Latihan Pegawai Perubatan Siswazah.....	10
1. Lantikan Pegawai Perubatan Siswazah	
2. Tempoh Latihan Pegawai Perubatan Siswazah	
BAB 4. Penempatan Pegawai Perubatan Siswazah:.....	11
1. Penentuan Penempatan Hospital Latihan Siswazah	
2. Penentuan Posting Di Hospital Latihan Siswazah	
3. Pertukaran Hospital	
4. Pergerakan Atau Pertukaran Ke Posting Lain	
5. Penempatan Di Hospital Daerah Berpakar	
6. Penempatan Di Wad Subkepakaran	
7. Pendedahan Dan Sangkutan PPS Di Klinik Dan Pusat Rawatan Harian	
BAB 5. Pendaftaran Dengan Majlis Perubatan Malaysia.....	16
1. Pendaftaran Sementara	
2. Pendaftaran Penuh	
BAB 6. Tugas dan Tanggungjawab Pegawai Perubatan Siswazah.....	17
1. <i>Tagging</i>	
2. Sistem Bekerja Secara Fleksi	
3. Tugas Rondaan Wad	
4. Tugas-Tugas Mengiringi Pesakit, Perkhidmatan Ambulan (Darat, Laut Dan Udara) Dan Mengikut Pakar Pelawat Ke Hospital Daerah	

BAB 7. Buku Log.....	21
1. Keperluan Melengkapkan Buku Log	
2. Tandatanganan/Verifikasi Pelaksanaan Prosedur Dalam Buku Log	
3. Penyerahan Buku Log	
BAB 8. Penilaian Prestasi	22
1. Keperluan Penilaian	
2. Tatacara Penilaian Di Setiap Posting	
3. Penilaian Dua Bulan Pertama Semasa Posting Pertama	
4. Penilaian PPS Terhadap Penyelia	
5. Penglibatan Ahli Sains Kesihatan Bersekutu Seperti Jururawat Dan Penolong Pegawai Perubatan Dalam Latihan Dan Pemantauan PPS	
BAB 9. Pelanjutan Tempoh Latihan	24
1. Sebab-Sebab Pelanjutan	
2. Proses Pelanjutan Tempoh Latihan	
3. Tempoh Pelanjutan Pertama	
4. Pelanjutan Kedua Akibat Masalah Kompetensi Untuk Penilaian Terakhir Di Hospital Lain	
5. Penamatan Latihan Siswazah Selepas Tamat Tempoh Pelanjutan Terakhir	
BAB 10. Isu-Isu Perkhidmatan Dan Pentadbiran	26
1. Kemudahan Cuti	
2. Penangguhan Tempoh Latihan Siswazah	
3. Pengesahan Dalam Perkhidmatan Dan Perlanjutan Tempoh Percubaan	
4. Urusan Kenaikan Pangkat Ke Gred UD 44	
5. Tidak Hadir Bertugas Tanpa Kelulusan	
6. Tindakan Tatatertib	
7. PPS Yang Mempunyai Masalah Kesihatan	
8. Penamatan Perkhidmatan PPS Sebagai Penjawat Awam	
9. PPS Yang Meletak Jawatan	
10. Pertukaran Skim Perkhidmatan	
11. Penglibatan Dalam Lokum (<i>Locum Tenens</i>)	
12. Penempatan Selepas Tamat Latihan Siswazah	
13. Lantikan PPS Secara Kontrak	
14. Kursus Induksi	
15. Lain-lain	
Lampiran 1 : SENARAI HOSPITAL LATIHAN SISWAZAH (JULAI 2012).....	34
Lampiran 2: PENEMPATAN PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH DI HOSPITAL DAERAH BERPAKAR YANG BELUM DIAKREDITASI SEBAGAI HOSPITAL LATIHAN SISWAZAH.....	35



Kata Pengantar **Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia**

Setelah mendapat ijazah perubatan, perjalanan kerjaya seorang Pegawai Perubatan bermula dengan latihan siswazah di mana semua graduan perubatan diwajibkan untuk menjalani latihan siswazah sebelum diberikan pendaftaran penuh dan dibenarkan mengamal. Program ini telah dilaksanakan sebelum Akta Perubatan 1971 digubal. Pada awalnya tempoh latihan hanyalah satu tahun sahaja dengan penempatan pada tiga disiplin utama. Untuk terus memperkasakan dan memantapkan lagi kompetensi Pegawai Perubatan, Jemaah Menteri pada 21hb. November 2007 telah bersetuju supaya tempoh latihan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) dilanjutkan kepada dua tahun mulai tahun 2008 dengan penempatan pada enam disiplin utama bagi memastikan PPS mendapat pendedahan yang lebih menyeluruh dalam bidang asas perubatan. Kini PPS boleh diberikan Pendaftaran Penuh selepas tamat posting ke lima di mana posting ke enam merupakan posting obligatori.

Sehingga kini Majlis Perubatan Malaysia telah mengiktiraf lebih dari 370 buah universiti dalam dan luar negara. Setiap universiti mempunyai kurikulum yang agak berbeza mengikut keperluan sejajar dengan perancangan kesihatan negara masing-masing. Justeru itu, pendedahan awal kepada sistem kesihatan di Malaysia diperlukan supaya PPS akan dapat berfungsi dengan kompeten dan selamat apabila ditempatkan di mana-mana fasiliti kesihatan. Pertambahan bilangan institusi pengajian tinggi awam dan swasta dalam negara yang menawarkan kursus perubatan serta graduan perubatan yang pulang dari institusi perubatan luar negara telah menyumbang kepada peningkatan bilangan pegawai perubatan siswazah sejak tahun 2008. Lembaga Kelayakan Perubatan telah membuat beberapa keputusan baru mengenai pelaksanaan program PPS bagi memastikan kualiti latihan tidak terjejas walaupun terdapat peningkatan bilangan PPS.

Selari dengan perkembangan pesat dalam bidang perubatan, perubahan pola pemikiran dan gaya hidup serta kepelbagaian latar belakang Pegawai Perubatan Siswazah, terdapat beberapa pendekatan dalam program latihan siswazah yang perlu dikemaskini. Inisiatif telah diambil untuk menyediakan buku panduan ini yang akan menjelaskan dengan lebih terperinci aspek yang berkaitan dengan Program Pegawai Perubatan Siswazah sejajar dengan keputusan-keputusan baru yang telah dibuat oleh Lembaga Kelayakan Perubatan. Selain dari itu, buku ini juga merupakan panduan dan rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan dan pemantapan program latihan ini bagi memastikan objektif untuk melahirkan pegawai perubatan yang kompeten, selamat dan bersikap profesional dapat dicapai. Pada prinsipnya buku panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan buku 'A Guidebook For House Officers' edisi 2008 yang diterbitkan oleh Majlis Perubatan Malaysia (MPM) namun terdapat banyak keputusan dalam dokumen MPM tersebut yang terbatal dengan pengeluaran buku panduan ini, misalnya seperti pelaksanaan sistem bekerja secara fleksible yang menggantikan tugas atas panggilan.

Yang Uhlaz,

DATO' SRI DR. HASAN BIN ABDUL RAHMAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

BAB 1

JAWATANKUASA PROGRAM PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH

Setiap PPS yang memulakan latihan dimestikan melapor diri ke Pejabat Pentadbiran Hospital dan bertemu dengan Pengarah Hospital atau Timbalan Pengarah Hospital untuk diberikan penerangan termasuklah mengenai Program Pegawai Perubatan Siswazah.

Bagi memantapkan Program Pegawai Perubatan Siswazah, 3 jawatankuasa dan satu panel memainkan peranan di peringkat Kementerian, Jabatan Kesihatan Negeri dan juga Hospital.

1. Jawatankuasa dan Panel Di Peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia

1.1 Lembaga Kelayakan Perubatan (LKP)

Lembaga Kelayakan Perubatan ditubuhkan di bawah Akta Perubatan 1971. Keahlian LKP adalah seperti berikut:

Pengerusi	:	Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
Ahli-ahli	:	Pakar perubatan dari fakulti perubatan universiti awam yang dilantik oleh Y.B Menteri Kesihatan.
Urusetia	:	Bahagian Perkembangan Perubatan dan Majlis Perubatan Malaysia

Terma rujukan/fungsi LKP adalah untuk membuat keputusan dasar mengenai hal-hal yang berkaitan dengan latihan PPS antara lainnya seperti berikut:

- i. Mengenalpasti, menilai dan meluluskan hospital yang menepati kriteria sebagai pusat latihan PPS
- ii. Menentukan standard dan kriteria untuk modul latihan PPS
- iii. Menyelesaikan isu berkaitan latihan PPS yang bermasalah yang tidak dapat diselesaikan di peringkat hospital/negeri
- iv. Meluluskan permohonan Pendaftaran Penuh berdasarkan pengalaman latihan terutama bagi PPS yang bermasalah

1.2 Panel Penilaian Perubatan (Medical Review Panel)

Majlis Perubatan Malaysia (MPM) mengendalikan pelaksanaan panel penilaian perubatan bagi menentukan status pegawai perubatan yang mengalami masalah kesihatan. Panel ini akan membuat penilaian 'fitness to practice' misalnya terhadap PPS atau pegawai perubatan dengan masalah psikiatri, status penyakit berjangkit bawaan darah tertentu atau masalah perubatan lain yang boleh menghalang pegawai perubatan mengamal dengan selamat.

- Pengerusi : Salah seorang dari ahli panel yang dilantik
Ahli-ahli : Pakar Perubatan berkaitan yang dipilih dan dilantik oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.
Urusetia : Majlis Perubatan Malaysia (MPM)

MPM akan mengendalikan Panel Penilaian Perubatan bagi menentukan samada PPS yang menghidap penyakit mengekang mereka dari menjalankan amalan perubatan dengan selamat atau tidak, serta membuat keputusan samada Sijil Pendaftaran Sementara ditarik balik atau sebaliknya.

2. Jawatankuasa Di Peringkat Negeri

Pihak Jabatan Kesihatan Negeri diwajibkan menubuhkan jawatankuasa Program Pegawai Perubatan Siswazah di peringkat negeri bagi memantau pelaksanaan program latihan siswazah ini di setiap hospital di negeri yang berkenaan. Senarai keahlian dan terma rujukan adalah seperti berikut :

- Pengerusi : Pengarah Kesihatan Negeri
Ahli : Semua Pengarah Hospital Latihan Siswazah
Semua Pengarah Hospital Daerah Berpakar
Urusetia : Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)

Terma Rujukan

- i. Memantau pelaksanaan latihan siswazah di semua hospital yang berkenaan di negeri masing-masing.
- ii. Menyelaras penempatan pegawai perubatan siswazah ke hospital daerah berpakar bagi posting tertentu.
- iii. Meneliti dan membuat ulasan sekiranya terdapat permohonan pertukaran pegawai perubatan siswazah.
- iv. Mengemukakan laporan terperinci mengenai prestasi pegawai perubatan siswazah yang perlu dilanjutkan tempoh latihan melebihi 7 bulan (iaitu 4 bulan posting dan 3 bulan perlanjutan pertama) terutama bagi kes-kes prestasi yang tidak memuaskan.

3. Jawatankuasa Di Peringkat Hospital

Setiap hospital latihan siswazah mesti menubuhkan jawatankuasa bagi program Pegawai Perubatan Siswazah. Senarai keahlian dan terma rujukan adalah seperti berikut :

- Pengerusi -- Pengarah Hospital
Ahli-Ahli -- Ketua Jabatan Perubatan
Ketua Jabatan Pediatrik
Ketua Jabatan Bedah

Ketua Jabatan Ortopedik
Ketua Jabatan O&G
Ketua Jabatan Perubatan Kecemasan
Ketua Jabatan Anestesiologi
Urusetia -- Unit Sumber Manusia/Timbangan Pengarah
Hospital (Perubatan)

Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya 3 bulan sekali.

Terma Rujukan

- i. Memastikan pelaksanaan latihan pegawai perubatan siswazah di jabatan-jabatan yang berkenaan dijalankan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
- ii. Penempatan dan rotasi PPS yang lebih teratur, praktikal dan efisien.
- iii. Membincangkan isu-isu berkaitan perkhidmatan/ pengurusan, disiplin, etika pakaian dan prestasi pegawai perubatan siswazah serta cara penyelesaiannya selain dari perlanjutan tempoh latihan.
- iv. Pelaksanaan / pengurusan buku log :
 - Buku log yang telah lengkap perlu ditandatangani oleh ketua jabatan atau pakar penyelia pada penghujung setiap posting
 - Sekiranya buku log tersebut ditandatangani oleh pakar penyelia bukan oleh Ketua Jabatan, maka ia perlu ditandatangani timbal oleh Pengarah Hospital
 - Memastikan buku log diserahkan oleh PPS kepada pihak Pengarah Hospital (Jawatankuasa Latihan PPS) sebelum ke posting seterusnya
- v. Memperakukan perlanjutan tempoh latihan bagi pegawai perubatan siswazah
- vi. Mengenal pasti isu-isu lain yang berkaitan dengan latihan pegawai perubatan siswazah.
- vii. Mencadangkan penambahbaikan pelaksanaan program latihan ini.
- viii. Memastikan semua keperluan untuk pendaftaran penuh dipenuhi dan dihantar kepada Majlis Perubatan Malaysia dalam masa dua minggu setelah tamat posting ke lima.

4. Jawatankuasa di Peringkat Jabatan

Setiap Jabatan utama yang terlibat dalam Latihan Siswazah mesti menubuhkan satu jawatankuasa bagi program pegawai perubatan siswazah di jabatan masing-masing. Senarai keahlian dan terma rujukan adalah seperti berikut :

Pengerusi	--	Ketua Jabatan
Ahli-Ahli	--	Pakar Perubatan Kanan Pakar Perubatan selaku Koordinator PPS Pakar Perubatan selaku Penyelia PPS Pegawai Perubatan Kanan selaku Pembantu Koordinator PPS
Urusetia	--	Pegawai Perubatan Kanan

Jawatankuasa ini perlu membincangkan isu latihan pegawai perubatan siswazah dalam setiap mesyuarat bulanan jabatan.

Terma Rujukan

- i. Memastikan pelaksanaan latihan pegawai perubatan siswazah di jabatan masing-masing dijalankan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
- ii. Membincangkan isu-isu berkaitan prestasi atau disiplin pegawai perubatan siswazah serta cara penyelesaiannya selain dari cadangan perlanjutan tempoh latihan.
- iii. Mengemukakan cadangan perlanjutan tempoh latihan bagi pegawai perubatan siswazah kepada jawatankuasa peringkat hospital sejajar dengan ketetapan yang diputuskan oleh Lembaga Kelayakan Perubatan dari masa ke semasa.
- iv. Mengenal pasti isu-isu lain yang berkaitan dengan latihan pegawai perubatan siswazah di jabatan masing-masing dan mencadangkan penambahbaikan.

5. Lain-lain

- i. Ketua Jabatan atau pihak hospital digalakkan untuk melantik seorang PPS sebagai ketua PPS di jabatan atau hospital masing-masing.
- ii. Pengarah Hospital hendaklah memastikan PPS baru diberikan taklimat, penerangan, orientasi dan juga perlu diadakan dialog/perbincangan dengan PPS dan Pakar

BAB 2

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PAKAR

Pakar yang terlibat dalam latihan pegawai perubatan siswazah di setiap jabatan memainkan peranan penting bagi memastikan PPS yang ditempatkan di jabatan masing-masing memperolehi pendedahan klinikal yang optima serta berupaya mempelajari kemahiran asas dalam menjalankan prosedur berkaitan dengan jabatan masing-masing seperti yang telah ditetapkan dalam buku log. Peranan pakar boleh diklasifikasikan kepada dua kategori iaitu pakar sebagai koordinator PPS dan peranan sebagai penyelia PPS atau kedua-duanya sekali seperti berikut :

1. Peranan Pakar Sebagai Koordinator PPS

Koordinator PPS ialah seorang pakar yang dilantik oleh Ketua Jabatan untuk memantau pelaksanaan program latihan siswazah di jabatan masing-masing. Antara peranan dan tanggungjawab mereka adalah seperti berikut :

- Memperkenalkan atau memberi penerangan mengenai organisasi jabatan kepada PPS.
- Menerangkan Polisi dan *Standard Operating Procedure* ("SOP") di jabatan masing-masing
- Menyediakan senarai tugas dan tanggungjawab PPS di jabatan berkenaan
- Menjelaskan sistem pengagihan tugas yang dilaksanakan di jabatan berkenaan
- Menjelaskan mengenai expektasi jabatan terhadap PPS
- Menjelaskan mengenai tugas fleksi dan pergiliran penempatan PPS di wad-wad yang berkenaan di jabatan masing-masing
- Menerangkan mengenai aktiviti-aktiviti jabatan seperti *journal club, grand ward round, CPD/CME, morbidity and mortality review*.
- Menerangkan mengenai sistem penilaian prestasi PPS yang dilaksanakan di jabatan berkenaan dan masa yang ditetapkan
- Berfungsi sebagai mentor dan kaunselor atau merujuk PPS yang bermasalah kepada kaunselor
- Menjadi pegawai *liaison* kepada Ketua Jabatan dan Pengarah Hospital

2. Peranan Pakar Sebagai Penyelia PPS

Seorang pakar yang dilantik oleh Ketua Jabatan untuk memberikan latihan, bimbingan dan tunjukajar kepada PPS secara langsung. Antara peranan dan tanggungjawab mereka adalah seperti berikut :

- Pengagihan pesakit dalam wad kepada setiap PPS
- Memantau dan membimbing PPS dalam tugasan di wad dari aspek pengetahuan, kemahiran klinikal dan sikap

- Memastikan kehadiran PPS dalam aktiviti jabatan seperti CPD/CME dan sebagainya
- Memantau PPS mematuhi kod etika perubatan dan etika kerja penjawat awam
- Mengesahkan prosedur-prosedur yang dilakukan dalam buku log
- Sebagai mentor dan kaunselor atau merujuk PPS yang bermasalah kepada kaunselor
- Menyemai dan mempertingkatkan kemahiran insaniah (*soft skill*)
- Sebagai penilai sepanjang tempoh penempatan
- Menyediakan laporan prestasi yang terperinci bagi PPS di bawah jagaan masing-masing.

3. Profesionalisme Dalam Memberikan Perkhidmatan Dan Latihan

Sejajar dengan surat arahan Ketua Pengarah Kesihatan KKM/87/P2-1/100-10 Jld.3(10) bertarikh 30hb. November 2010 mengenai Pemantapan Perkhidmatan Kesihatan Berpandukan Amalan Etika Profesion Perubatan Yang Baik Dalam Kalangan Pegawai Dan Pakar Perubatan, setiap pakar hendaklah menunjukkan sikap dan etika kerja yang baik serta menjadi *role model* kepada PPS. Sehubungan dengan itu, pakar tidak boleh menunjukkan sikap prejudis terhadap latar belakang dan kelulusan akademik PPS, mengarahkan agar PPS melaksanakan tugas yang tidak berkaitan dengan tugas PPS dan sebagainya. Sekiranya PPS melakukan kesilapan, teguran hendaklah diberikan secara professional.

Setiap pakar dikehendaki terlibat secara langsung dalam memberikan latihan, bimbingan dan tunjukajar kepada PPS termasuklah semasa tugas fleksi, rondaan wad rutin, *grand round* mahupun semasa *teaching round* dengan dibantu oleh Pegawai Perubatan (*senior MO*).

BAB 3

LANTIKAN DAN TEMPOH LATIHAN PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH

1. Lantikan Pegawai Perubatan Siswazah

Semua graduan perubatan mestilah terlebih dahulu mendapatkan Sijil Pendaftaran Sementara atau surat kelulusan yang berkaitan untuk mengamal perubatan dari Majlis Perubatan Malaysia (MPM). PPS hanya boleh dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan diberikan surat penempatan setelah mereka mendapat Sijil Pendaftaran Sementara dari Majlis Perubatan Malaysia. Selain itu semua graduan perubatan yang memohon untuk dilantik sebagai Pegawai Perubatan Siswazah akan melalui proses temuduga oleh SPA. Sekiranya mereka lulus temuduga tersebut, barulah SPA akan mengeluarkan surat perlantikan.

2. Tempoh Latihan Pegawai Perubatan Siswazah

Tempoh minima latihan PPS adalah selama 20 bulan dengan penempatan di 5 disiplin asas bagi tempoh minima 4 bulan untuk setiap posting. Namun tempoh maksima setiap posting boleh dilanjutkan sehingga satu tahun sahaja. Oleh kerana PPS perlu menjalani 5 posting maka tempoh maksima keseluruhan latihan siswazah adalah selama 5 tahun.

Dalam situasi tertentu pelanjutan melebihi tempoh seperti di atas hanya boleh diputuskan oleh Lembaga Kelayakan Perubatan atau Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia selaku Pengerusi Lembaga Kelayakan Perubatan sebelum latihan siswazah ditamatkan.

Bagi graduan perubatan yang telah menjalani latihan siswazah di luar negara, mereka boleh memohon pelepasan dari Majlis Perubatan Malaysia dengan mengemukakan bukti bertulis kepada pihak MPM untuk dikecualikan dari menjalani latihan PPS atau pengurangan tempoh latihan siswazah setelah kembali ke Malaysia. Keputusan muktamad adalah tertakluk kepada kelulusan MPM.

BAB 4

PENEMPATAN PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH

1. Penentuan Penempatan Hospital Latihan Siswazah.

PPS yang telah mendapat Sijil Pendaftaran Sementara dari MPM dan surat lantikan dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) perlu mengisi borang biodata KKM di mana mereka perlu membuat pilihan tempat latihan. Jawatankuasa Penempatan KKM akan menentukan penempatan PPS ke hospital tertentu antara lain berdasarkan kepada permohonan dari graduan serta keperluan perkhidmatan dan latihan yang turut meliputi kekosongan, distribusi dan kemampuan pihak hospital berkenaan.

2. Penentuan Posting Di Hospital Latihan Siswazah

Setiap PPS perlu menjalani 5 posting wajib dan 1 posting obligatori seperti berikut :

- Perubatan Dalam / Perubatan Am
- Pembedahan Am / Surgeri Am
- Pediatrik
- O&G
- Ortopedik
- Perubatan Kecemasan & Trauma atau Anestesiologi*

(*posting di jabatan-jabatan ini hanya boleh dibuat selepas tamat posting ke-4. Memandangkan Anestesiologi merupakan alternatif kepada Perubatan Kecemasan & Trauma maka PPS hanya boleh ditempatkan di salah satu antara 2 jabatan ini)

Pihak hospital perlu menentukan giliran posting setiap Pegawai Perubatan Siswazah mengikut distribusi dan kekosongan di setiap jabatan. Jawatankuasa latihan PPS peringkat hospital perlu memastikan penempatan PPS adalah praktikal, inovatif dan bersesuaian mengikut keadaan semasa supaya pengagihan bilangan PPS di setiap jabatan adalah dibuat dengan teratur, seimbang dan tidak membebankan jabatan.

PPS perlu melengkapkan kesemua 6 posting di atas, di mana posting ke 6 adalah merupakan posting obligatori. Posting tersebut wajib dilaksanakan walaupun pendaftaran penuh diberikan selepas tamat posting ke 5 dengan jayanya. Tempoh latihan di posting ke 6 ini adalah sekurang-kurangnya 4 bulan. Sekiranya prestasi tidak memuaskan, tempoh latihan boleh dilanjutkan.

3. Pertukaran Hospital

Pada prinsipnya Lembaga Kelayakan Perubatan telah menetapkan bahawa pertukaran PPS dari sebuah hospital ke hospital latihan yang lain tidak dibenarkan. Ini adalah untuk memastikan kesinambungan latihan siswazah berkenaan tidak terganggu dan proses penilaian latihan siswazah dapat dilakukan dengan berkesan. Seterusnya Sijil Pendaftaran Penuh dapat diproses dengan lancar dan diberikan selepas tamat posting kelima dengan jayanya bagi mengelakkan terjadinya kelewatan dalam pengesahan jawatan yang akan menjayakan proses kenaikan pangkat ke Gred UD43/UD44.

Walaupun bagaimanapun untuk kes-kes tertentu seperti yang melibatkan masalah kesihatan dan aspek keselamatan, kelonggaran pertukaran mungkin boleh diberikan tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia selaku Pengerusi Lembaga Kelayakan Perubatan. Semua permohonan pertukaran mestilah dibuat secara rasmi melalui Pengarah Hospital berserta ulasan dari pihak hospital dan JKN, seterusnya dikemukakan kepada Bahagian Sumber Manusia KKM dengan salinan kepada Bahagian Perkembangan Perubatan KKM untuk dikemukakan bagi pertimbangan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

Bagi semua permohonan pertukaran, pihak hospital perlu mengemukakan laporan terperinci mengenai pegawai meliputi :

- i. Biodata
- ii. Kronologi latihan
- iii. Laporan prestasi setiap posting
- iv. Laporan perubatan jika berkenaan
- v. Dokumen lain yang berkaitan (laporan perubatan ibubapa, laporan polis (jika berkenaan), cuti rehat khususnya ketidakhadiran tanpa cuti yang diluluskan, tatatertib dan sebagainya.
- vi. Ulasan Pengarah Hospital dan Pengarah Kesihatan Negeri

4. Pergerakan Atau Pertukaran Ke Posting Lain

Pertukaran ke posting seterusnya hanya boleh dibuat selepas PPS melaksanakan dengan jayanya posting semasa. Pertukaran PPS ke posting lain tidak dibenarkan selagi masih tidak diluluskan (tidak diperakukan) di posting semasa.

5. Penempatan Di Hospital Daerah Berpakar

Sehingga Julai 2012 terdapat 42 buah hospital yang telah diakreditasikan sebagai hospital latihan Pegawai Perubatan Siswazah iaitu 39 buah hospital KKM dan 3 buah hospital Universiti (Lampiran 1). Dengan pertambahan bilangan Pegawai Perubatan Siswazah setiap hospital perlu menampung lebih ramai PPS.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan PPS terus mendapat peluang latihan dan pendedahan yang optima maka adalah wajar PPS dijadualkan untuk membuat sangkutan klinikal ke hospital daerah berpakar yang mempunyai perkhidmatan kepakaran yang diperlukan. Sebagai contoh, pada tahun 2010 PPS yang bertugas di Hospital Muar boleh ditempatkan dalam tempoh tertentu untuk menjalani posting Ortopedik atau O&G di Hospital Segamat yang mempunyai pakar dalam disiplin berkenaan.

Tempoh sangkutan ini boleh diambilkira sebagai tempoh latihan PPS untuk sesuatu posting induk berkenaan. Peraturan penempatan di hospital daerah adalah seperti di Lampiran 2.

6. Penempatan di Wad Subkepakaran

Pada prinsipnya PPS ditempatkan di wad kepakaran asas misalnya perubatan dalaman atau surgery am bagi mempelajari kemahiran klinikal asas (prosedur asas) yang sepatutnya berdasarkan buku log. Walaubagaimanapun PPS boleh juga ditempatkan di wad subkepakaran untuk tujuan tersebut dalam keadaan-keadaan tertentu bagi memberi pendedahan yang mencukupi bagi prosedur-prosedur asas (untuk posting induk) di wad subkepakaran.

Terdapat juga beberapa hospital berpakar seperti Hospital Serdang dan Hospital Ampang yang menyediakan perkhidmatan khusus yang lebih menjurus kepada bidang subkepakaran mungkin boleh menyebabkan PPS yang ditempatkan di sesuatu jabatan misalnya Jabatan Perubatan Dalaman perlu juga ditempatkan di Unit Kardiologi, Nefrologi ataupun Hematologi. Ini amat penting bagi memastikan PPS mendapat peluang pendedahan kepada kes-kes perubatan umum yang mencukupi termasuklah kemahiran membaca atau interpretasi ECG, mengenalpasti tanda-tanda anaemia, jaundice dan sebagainya. Selain dari itu hospital tertiar tertentu di mana pesakit yang dikenalpasti mengalami masalah nefrologi atau urologi akan terus dimasukkan ke wad nefrologi atau urologi maka sekiranya PPS hanya ditempatkan di wad perubatan am atau wad pembedahan am sahaja, mereka tidak akan mendapat pendedahan mengenai penyakit yang berkaitan dengan aspek ginjal seperti *renal calculi* dan melakukan prosedur-prosedur asas yang berkaitan dengan bidang nefrologi.

Contoh Bidang Subkepakaran yang dicadangkan untuk penempatan Pegawai Perubatan Siswazah adalah seperti berikut :

Perubatan Dalaman / Perubatan Am

- Hepatologi
- Nefrologi
- Penyakit Berjangkit
- Hematologi

- Kardiologi
- Respiratori

Surgeri Am / Pembedahan Am

- Urologi
- Neurosurgeri
- Kardiorasik
- Rawatan Kebakaran / Plastik

6.1 Tempoh Penempatan PPS Di Wad Biasa Sebelum Ditempatkan Di Wad Subkepakaran

Sebelum ditempatkan di unit subkepakaran, pegawai perubatan siswazah perlu menjalani latihan sekurang – kurangnya 3 bulan di jabatan kepakaran am (Perubatan Dalaman atau Surgeri Am)

- Tempoh penempatan bergantung kepada keperluan setiap subkepakaran
- Adalah disarankan agar tempoh penempatan di setiap wad subkepakaran selama antara 2 hingga 4 minggu

6.2 Penyeliaan Dan Penilaian Oleh Pakar di Wad Subkepakaran

- Pegawai Perubatan Siswazah perlu menggunakan buku log dan senarai tugas sedia ada berdasarkan penempatan semasa di Jabatan Perubatan Dalaman dan Surgeri Am (posting induk)
- Ketua Jabatan Subkepakaran/Penyelaras memantau, menilai dan memberi ulasan menggunakan salinan format penilaian yang ditetapkan kepada Ketua Jabatan Utama (Perubatan Dalaman/Surgeri Am)
- Penilaian secara keseluruhan dan muktamad dilakukan oleh Ketua Jabatan Utama posting direktorat berkenaan (posting induk iaitu Perubatan Dalaman/Pembedahan Am)

6.3 Syarat Am Penempatan Pegawai Perubatan Siswazah di Wad Subkepakaran

- Sekurang-kurangnya 2 pakar (Nisbah maksima 1 pakar : 5 PPS)
- Bilangan penempatan PPS bergantung kepada kemampuan setiap wad subkepakaran dan nisbah di atas
- Tugas fleksi PPS bergantung kepada kemampuan penyeliaan oleh setiap wad subkepakaran
- Penempatan PPS di wad subkepakaran misalnya, perubatan atau pembedahan tetapi masih melakukan tugas umum yang diperlukan di wad perubatan am atau pembedahan am. Penempatan ini bukan bertujuan untuk PPS membuat prosedur subkepakaran. Contohnya

PPS di unit Nefrologi masih lagi membuat prosedur venapunktur, memasang salur intravena dan memasang kateter pundi kencing (*catheterization*), bukannya semata-mata untuk melakukan biopsi renal

6.4 Peranan Dan Tanggungjawab Pakar Sebagai Penyelia Di Wad Subkepakaran

i. Peranan Koordinator PPS Di Wad Subkepakaran

Koordinator PPS ialah seorang pakar yang dilantik oleh Ketua Jabatan Subkepakaran. Peranan dan tanggungjawab meliputi:

- a. Orientasi PPS yang merangkumi:
 - Polisi dan '*Standard Operating Procedure*' (SOP) jabatan
 - Carta organisasi jabatan
 - Senarai tugas dan tanggungjawab
 - Jadual tugas fleksi, giliran di wad-wad subkepakaran
 - Aktiviti-aktiviti jabatan (CPD/CME)
 - Ekspektasi yang perlu dicapai
 - Penilaian
- b. Pengagihan tugas
- c. Memastikan penilaian dikendalikan pada masa yang ditetapkan.
- d. Berfungsi sebagai mentor dan kaunselor
- e. Menjadi pegawai *liaison* kepada Ketua Jabatan Subkepakaran, Ketua Jabatan Utama dan Pengarah Hospital

ii. Penyelia PPS Di Wad Subkepakaran

Seorang pakar yang dilantik oleh Ketua Jabatan subkepakaran. Antara peranan dan tanggungjawab meliputi:

- a. Pengagihan pesakit dalam wad
- b. Memantau dan membimbing PPS dalam tugas di wad dari aspek pengetahuan, kemahiran klinikal dan sikap
- c. Memastikan kehadiran PPS dalam aktiviti jabatan
- d. Memantau PPS mematuhi kod etika perubatan dan etika kerja penjawat awam
- e. Mengesahkan prosedur-prosedur yang dilakukan dalam buku log
- f. Sebagai mentor dan kaunselor
- g. Menyemai kemahiran insaniah (*soft skill*)
- h. Sebagai penilai sepanjang tempoh penempatan

7. Pendedahan Dan Sangkutan PPS Di Klinik Dan Pusat Rawatan Harian

Sejajar dengan perkembangan dalam rawatan dan teknologi kesihatan, kini banyak prosedur intervensi dan pembedahan boleh dilakukan di klinik atau pusat rawatan harian tanpa perlu dimasukkan ke wad. Oleh itu, adalah wajar PPS diberikan pendedahan dan sangkutan di fasiliti berkenaan, termasuklah di klinik kesihatan yang mempunyai Pakar Perubatan Keluarga.

BAB 5

PENDAFTARAN DENGAN MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

1. Sijil Pendaftaran Sementara

Sebelum setiap graduan perubatan boleh dilantik untuk berkhidmat dengan kerajaan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi menjalani latihan siswazah, mereka diwajibkan terlebih dahulu berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) selaras dengan keperluan Akta Perubatan 1971. Oleh itu setiap PPS mestilah memastikan terlebih dahulu dengan Majlis Perubatan Malaysia tentang status Sijil Pendaftaran Sementara mereka sebelum menghadiri kursus induksi. Pihak hospital hendaklah menyemak semula bagi memastikan semua Pegawai Perubatan Siswazah yang melapor diri di hospital masing-masing mempunyai Sijil Pendaftaran Sementara dari MPM sebelum dibenarkan untuk memulakan latihan siswazah. Adalah menjadi kesalahan mengikut undang-undang apabila PPS mengamal tanpa Sijil Pendaftaran Sementara. Oleh itu, sekiranya PPS tidak mempunyai sijil pendaftaran atau surat pengesahan dari Majlis Perubatan Malaysia semasa lapor diri maka PPS tersebut perlu menyelesaikan masalah pendaftaran itu dalam kadar segera dan tidak boleh dibenarkan memulakan latihan siswazah sehingga mendapat pengesahan dari MPM.

2. Sijil Pendaftaran Penuh

Akta Perubatan 1971 telah menetapkan bahawa seseorang Pengamal Perubatan perlu berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia sebelum dibenarkan untuk mengamal secara sah. Lembaga Kelayakan Perubatan telah memutuskan supaya urusan Pendaftaran Penuh boleh diproses setelah PPS tamat dengan jayanya lima (5) posting. Sebagai langkah untuk mempercepatkan proses pemberian Pendaftaran Penuh oleh Majlis Perubatan Malaysia, pihak hospital hendaklah mengemukakan permohonan Pendaftaran Penuh kepada Majlis Perubatan Malaysia bagi semua PPS yang tamat posting kelima dengan jayanya. Semua permohonan Pendaftaran Penuh mestilah sampai kepada Majlis Perubatan Malaysia dalam masa 2 minggu setelah posting ke enam bermula, dengan ini diharapkan dalam masa 4 bulan, kenaikan pangkat ke gred UD43/44 dapat diberikan. Kelewatan permohonan Pendaftaran Penuh boleh menjejaskan proses kenaikan pangkat PPS berkenaan ke gred UD43/UD44.

BAB 6

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH

Seperti yang dijelaskan dalam bab yang terdahulu bahawa objektif utama latihan siswazah adalah bagi melahirkan pegawai perubatan yang kompeten dan selamat. Oleh itu adalah amat penting PPS terlibat dalam aktiviti rawatan secara *hands-on* di bawah penyeliaan dan latihan pakar. Tugas utama Pegawai Perubatan Siswazah adalah untuk meningkatkan pengalaman, kemahiran klinikal, mendapatkan pendedahan, cara menangani tekanan (*stress*) dan memberi maklumat peluang kerjaya sebagai persediaan untuk menjadi pegawai perubatan yang selamat dan kompeten. Tugas dan tanggungjawab secara terperinci adalah seperti yang dijelaskan pada bab selanjutnya namun diringkaskan seperti berikut :

- i. Melaksanakan rondaan wad secara berkala dan seboleh-bolehnya sebelum Pegawai Perubatan Senior/Pakar membuat rondaan
- ii. Mempelajari dan melaksanakan semua prosedur yang diarahkan iaitu pemeriksaan rutin pesakit di wad seperti pemeriksaan tekanan darah, suhu, mengambil darah atau sampel ujian yang lain, mendapatkan keputusan ujian, mendapatkan temujanji bagi prosedur tertentu, menyediakan *discharge summary*, mengiringi pesakit ke unit/jabatan lain apabila diperlukan dan lain-lain prosedur seperti yang ditetapkan dalam buku log di bawah penyeliaan pakar atau pegawai perubatan senior
- iii. Mematuhi semua peraturan yang ditetapkan oleh jabatan/pihak hospital
- iv. *Clerk* semua kes-kes baru yang dimasukkan ke wad semasa bertugas di wad dan maklumkan kepada Pegawai Perubatan Senior atau Pakar mengenai setiap pesakit baru
- v. Merujuk kepada Pegawai Perubatan Senior atau pakar dengan segera sekiranya perlu
- vi. Melaksanakan *tagging* sebelum dibenarkan menjalani tugas kerja fleksi
- vii. Menjalankan tugas kerja fleksi mengikut jadual yang ditetapkan
- viii. Mengambil bahagian dalam aktiviti CME
- ix. Memastikan semua prosedur yang ditetapkan dalam buku log dilaksanakan

Setiap PPS diwajibkan bekerjasama bertugas sebagai satu pasukan sejajar dengan tiga elemen utama Budaya Korporat KKM iaitu Profesionalisme, Penyayang dan Kerja Berpasukan.

1. **Tagging**

Tagging diperkenalkan bagi membantu PPS terutamanya yang baru dilantik termasuk juga pada permulaan sesuatu posting bagi setiap disiplin bagi menyesuaikan dan memperkenalkan mereka kepada situasi wad terutamanya keperluan bertugas secara fleksi dan SOP jabatan.

Terdapat beberapa universiti dalam dan luar negara yang tidak atau kurang membuat pendedahan *night duty* kepada pelajar mereka. Oleh itu, tagging diharap dapat membantu mengurangkan kejutan budaya kerja sebagai doktor yang mengendalikan rawatan pesakit secara praktikal berbanding dengan secara teori semasa di universiti.

Berikut adalah tatacara *tagging* yang diamalkan:

- Dalam keadaan biasa, tempoh *tagging* bagi PPS selalunya 2 minggu.
- Bagi PPS yang telah mahir, tempoh *tagging* boleh dipendekkan. Namun bagi PPS yang masih belum mampu untuk bertugas secara fleksi selepas tempoh 2 minggu tersebut, tempoh *tagging* mereka boleh dilanjutkan. Pelanjutan tempoh *tagging* tidak semestinya boleh dijadikan alasan utama untuk PPS dilanjutkan dalam latihan di disiplin tersebut. Pelanjutan hendaklah dibuat sekiranya PPS didapati masih belum kompeten dan/atau tidak dapat melengkapkan buku log selepas 4 bulan, terlebih cuti dan sebagainya maka posting beliau di jabatan berkenaan perlu dilanjutkan mengikut tempoh yang bersesuaian.
- Waktu *tagging* biasa pada setiap hari adalah dari 8.00 pagi sehingga 10 malam mengikut keperluan latihan. PPS wajar diberi dua hari rehat pada hujung minggu atau selepas bekerja lima hari berturut-turut tertakluk kepada kepentingan latihan dan perkhidmatan.
- PPS perlu diberi bimbingan oleh pakar / penyelia / pegawai perubatan senior semasa tempoh *tagging*.

2. Sistem Kerja Secara Fleksi :

Bagi memenuhi keperluan latihan dan perkhidmatan kepada pesakit yang memerlukan rawatan dan penjagaan perubatan berterusan disamping memberikan PPS ruang masa untuk membuat refleksi dan rujukan tentang apa yang dipelajari maka Waktu Kerja Secara Fleksi Bagi PPS telah diwujudkan untuk dilaksanakan mulai 1 September 2011. Beberapa ketetapan perlu dipatuhi dalam melaksanakan Waktu Kerja Secara Fleksi Bagi PPS

- 2.1 Mulai 1 September 2011, semua hospital tidak lagi akan melaksanakan tugas atas panggilan (*on-call*) yang panjang bagi PPS seperti sebelum 1 September 2011. Sebaliknya PPS diperlukan melaksanakan Waktu Bekerja Secara Fleksi. Jadual waktu kerja fleksi bagi PPS ini tertakluk kepada kesesuaian hospital dengan syarat waktu bekerja adalah 60 jam

seminggu purata bagi sesuatu posting, bertugas 5 hari seminggu dengan 2 hari perlepasan. Dua hari kelepasan tersebut tidak semestinya pada hari Sabtu dan Ahad. Terdapat 2 opsyen atau contoh waktu kerja fleksi yang boleh dipilih seperti berikut:-

i) Contoh Jadual Sistem Waktu Kerja Fleksi 3 sesi.

- Sesi 1 (pagi) – tempoh 11 jam.
Contoh : 7 pagi – 6 petang
- Sesi 2 (petang) - tempoh 12 jam
Contoh :11 pagi – 11malam
- Sesi 3 (malam)- tempoh 12 jam
Contoh :10 malam – 10 pagi

ii) Contoh Jadual Sistem Waktu Kerja Fleksi 2 sesi.

- Sesi 1 - 16 jam
7 pagi – 5 petang dan dilanjutkan sehingga pukul 12 malam. Keesokan hari boleh diberikan sebagai hari pelepasan cuti gantian mingguan.
- Sesi 2 - 15 jam
7 pagi – 5 petang dan diberikan pelepasan sehingga jam 11 malam dan kemudian bekerja semula dari jam 11 malam sehingga jam 2 petang keesokan harinya. Keesokan hari boleh dicadangkan sebagai hari pelepasan/cuti gantian mingguan.
- Terdapat juga PPS yang digilirkan untuk bertugas pada waktu bekerja biasa (7 pagi – 5 petang di mana bilangan PPS yang digilirkan bertugas bergantung kepada kesesuaian jabatan masing-masing.

2.2 Pelaksanaan Waktu Kerja Secara Fleksi adalah diwajibkan tanpa mengira bilangan PPS yang ada di setiap jabatan. Namun pemakaian atau penjadualan mana-mana sistem samada 2 sesi atau 3 sesi perlulah disesuaikan dengan bilangan PPS sedia ada di hospital masing-masing. Bahagian Perkembangan Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia akan membantu membuat agihan penempatan PPS agar bilangan PPS di Hospital Latihan Siswazah mencukupi.

- 2.3 Dengan melaksanakan Waktu Kerja Secara Fleksi maka PPS tidak lagi melaksanakan sistem *on-call* yang berterusan seperti sebelum 1 September 2011.
- 2.4 Dalam keadaan tertentu yang mendesak seperti berlakunya wabak atau bencana sehingga menyebabkan bilangan pesakit yang ramai, tertakluk kepada penilaian Ketua Jabatan, PPS boleh diarahkan meneruskan waktu bertugas.
- 2.5 Bagi PPS yang menjalani posting di Jabatan Kecemasan, pembahagian PPS mengikut zon rawatan adalah mengikut kewajaran situasi. Peraturan ini adalah seperti yang digariskan dalam surat KKM /87/P2-1/14-1(41) bertarikh 14 Jun 2010 mengenai Tatacara Pelaksanaan Latihan dan Waktu Bekerja Bagi Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Jabatan Perubatan Kecemasan.
- 2.6 PPS yang menjalani posting di jabatan yang mempunyai beberapa unit seperti posting O&G yang mempunyai wad antenatal, wad postnatal, bilik bersalin dan lain-lain, bilangan penempatan PPS di setiap unit berkenaan adalah mengikut kesesuaian.
- 2.7 Pihak hospital perlu menyediakan kemudahan-kemudahan yang sesuai sewaktu PPS melaksanakan tugas fleksi. Ini termasuklah menyediakan *on-call room* untuk kemudahan berehat, tempat letak kereta yang selamat dan makanan (*food ration*) tertakluk kepada kemampuan pihak hospital, peraturan dan dasar semasa.
- 2.8 PPS mesti berada di hospital sepanjang masa menjalankan tugas fleksi dan tidak boleh pulang ke rumah sebaliknya gunakan kemudahan *on-call room* atau *on-call complex*. Penyediaan *Housemen Quarters* oleh pihak hospital bukanlah merupakan kewajipan kerana terdapat hospital yang mempunyai bilangan kuarter yang terhad.
- 2.9 Tertakluk kepada kemampuan, pihak hospital wajar menyediakan '*on-call lounge*' dengan kemudahan misalnya *television*, peti sejuk, bilik bacaan dan perpustakaan mini jika berkaitan. Bagi hospital baru yang akan dibangunkan, *on-call complex* haruslah merangkumi '*on-call lounge*' dan perlu dimasukkan dalam perancangan projek berkenaan.

BAB 7

BUKU LOG

1. Keperluan Melengkapkan Buku Log

Setiap disiplin mempunyai buku log masing-masing yang disediakan bagi memberi panduan kepada PPS untuk mempelajari kemahiran-kemahiran klinikal semasa berada di posting tersebut. PPS disarankan untuk membawa buku log semasa bertugas setiap hari bagi memastikan setiap prosedur yang dilakukan boleh dicatat dan ditandatangani oleh penyelia pada hari yang sama. Buku log perlu dilengkapkan sebelum PPS dibenarkan berpindah ke posting yang seterusnya. Sekiranya buku log masih belum dapat dilengkapkan di penghujung posting, PPS perlu dikekalkan di posting tersebut sehingga buku log berkenaan lengkap diisi. PPS perlu jujur dalam mengisi buku log, pemalsuan buku log adalah satu tindakan yang menyalahi peraturan dan tidak beretika di mana tindakan serius boleh diambil terhadap PPS berkenaan seperti perlanjutan tempoh latihan dan boleh juga dikenakan tindakan tatatertib.

2. Tandatangan/Verifikasi Pelaksanaan Prosedur Dalam Buku Log

Buku log perlu ditandatangani oleh pakar/penyelia, bukannya oleh anggota paramedik seperti Penolong Pegawai Perubatan ataupun Jururawat. Buku log yang ditandatangani oleh pegawai perubatan mestilah ditandatangani timbal (counter sign) oleh pakar/penyelia. Sekiranya pakar/penyelia tiada di akhir tempoh latihan PPS, pakar lain bagi disiplin yang sama yang menggantikan tugas perlu menandatangani buku log tersebut. Dalam situasi tertentu PPS mungkin boleh meminta PPP atau Jururawat untuk verifikasi prosedur yang dilaksanakan sebagai bukti, namun bukti verifikasi tersebut masih perlu dikemukakan kepada pakar/penyelia untuk disahkan dan ditandatangani dalam buku log.

3. Penyerahan Buku Log

Buku log yang telah lengkap dan diperakukan oleh Ketua Jabatan perlu dihantar kepada Jawatankuasa Latihan PPS peringkat hospital selewat-lewatnya seminggu sebelum dibenarkan untuk meneruskan latihan ke posting seterusnya. Adalah menjadi tanggungjawab PPS menjaga keselamatan buku log supaya tidak hilang sehingga buku log tersebut diserahkan kepada pihak hospital. Penerimaan dan penyerahan buku log oleh PPS kepada pihak hospital hendaklah dibuat secara bertulis bagi mengelakkan kesulitan pada masa hadapan.

BAB 8

PENILAIAN PRESTASI

1. Keperluan Penilaian

Program PPS ini bertujuan untuk melahirkan pegawai perubatan yang kompeten serta selamat untuk mengamal secara professional dan beretika. Sehubungan dengan itu, prestasi PPS perlu dinilai secara berterusan samada dari segi kemahiran klinikal ataupun perkembangan sahsiah sebagai seorang doktor yang beretika. Penilaian dibuat berdasarkan kriteria-kriteria antara lain seperti yang telah dinyatakan dalam buku log. Adalah menjadi tanggungjawab penyelia untuk memastikan PPS melakukan semua prosedur yang ditetapkan dalam buku log dengan memuaskan.

2. Tatacara Penilaian Setiap Posting

Penilaian PPS di setiap posting dibuat berdasarkan kemampuan Jabatan/Hospital masing-masing namun tertakluk kepada prinsip-prinsip dan kaedah yang boleh diubahsuai mengikut keadaan seperti berikut :

- Aspek utama yang perlu dalam penilaian PPS adalah penilaian yang dibuat secara berterusan iaitu mulai semasa *tagging*, rondaan wad, tugas secara fleksi, penggunaan buku log, dan sebagainya.
- Walaupun penilaian PPS dibuat secara berterusan namun disarankan penilaian preliminari prestasi bagi menentukan keupayaan seseorang PPS dalam posting semasa dilakukan SATU BULAN sebelum tempoh posting dijangka tamat misalnya menerusi viva dan sebagainya dengan mengemukakan soalan-soalan asas yang setaraf bagi peringkat PPS. Dengan ini PPS yang bermasalah akan mempunyai masa 4 minggu lagi untuk meningkatkan prestasi dan kompetensi supaya boleh menamatkan posting semasa, dalam masa 4 bulan tanpa pelanjutan.
- PPS yang tidak menunjukkan prestasi yang memuaskan hendaklah diberi teguran secara lisan dan bertulis mengenai kelemahan masing-masing dan dinasihatkan untuk meningkatkan prestasi serta dimaklumkan mengenai kemungkinan pelanjutan tempoh latihan sekiranya prestasi tidak ditingkatkan. Teguran tersebut hendaklah dikemukakan kepada PPS seawal yang mungkin bagi membolehkan PPS mengetahui kelemahan dan memberi peluang kepada mereka untuk meningkatkan prestasi.
- Tertakluk kepada kemampuan hospital, penilaian secara viva wajar diberikan keutamaan khususnya bagi PPS tertentu yang lemah misalnya PPS yang menunjukkan prestasi yang sangat lemah atau bermasalah. Penilaian secara viva mestilah menggunakan soalan-soalan yang setaraf peringkat PPS dan bukannya soalan untuk graduan bertahap tinggi contohnya pelajar sarjana.

- Sekiranya prestasi atau kompetensi didapati tidak memuaskan dan PPS perlu menjalani tempoh pelanjutan, maka cadangan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Program Pegawai Perubatan Siswazah Hospital berkenaan untuk kelulusan dengan mengemukakan borang yang telah disediakan berserta ulasan yang terperinci mengenai sebab-sebab pelanjutan diperlukan dan disertai dengan dokumen-dokumen berkaitan sebagai bukti seperti salinan buku log, salinan surat amaran, sijil cuti sakit dan sebagainya.
- Keputusan samada seseorang PPS perlu menjalani tempoh pelanjutan mestilah dibuat oleh Jawatankuasa Program Latihan Pegawai Perubatan Siswazah di peringkat hospital, bukan secara individu oleh Ketua Jabatan/ Pakar Penyelia.

3. Penilaian Dua Bulan Pertama Semasa Posting Pertama

Majlis Perubatan Malaysia berperanan untuk memastikan institusi pengajian yang menawarkan program perubatan di peringkat ijazah pertama menghasilkan graduan yang berkualiti dan berwibawa. Lanjutan dari itu, MPM (dengan kerjasama Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan) telah menyediakan borang penilaian bagi memastikan penilaian ke atas pegawai perubatan siswazah dijalankan secara objektif. Borang penilaian ini perlu diisi oleh pakar / penyelia selewat-lewatnya selepas dua bulan PPS berada di posting pertama.

Hasil penilaian tersebut akan digunakan untuk mengkaji prestasi setiap graduan perubatan yang dihasilkan oleh sesebuah institusi pengajian. Ini akan membolehkan pihak MPM memberi maklumbalas kepada institusi pengajian berkenaan bagi tujuan penambahbaikan program pengajian mereka.

Format penilaian tersebut adalah menggunakan borang penilaian yang dikeluarkan oleh MPM (dengan kerjasama Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan) dan mungkin dikemaskini dari masa ke semasa.

4. Penilaian PPS terhadap Penyelia

Bagi menambahbaik latihan PPS ini, penilaian PPS terhadap penyelia juga sedang dipertimbangkan untuk diperkenalkan bagi memantapkan lagi latihan PPS.

5. Penglibatan Ahli Sains Kesihatan Bersekutu Seperti Jururawat Dan Penolong Pegawai Perubatan Dalam Latihan Dan Pemantauan PPS

Program PPS perlu dilaksanakan secara berpasukan iaitu melibatkan semua kategori anggota di wad atau hospital. Pakar-pakar dan pegawai perubatan bertanggungjawab untuk melatih PPS dalam aspek teknikal/klinikal, manakala dalam aspek sokongan klinikal pula, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jururawat atau Penolong Pegawai Perubatan untuk membantu PPS.

Antara peranan dan tanggungjawab:

- i. Orientasi merangkumi lokasi dan tugas seperti berikut:
 - wad
 - bilik dan makanan semasa tugas fleksi mengikut peraturan sediaada
 - kawalan infeksi/kaedah mencuci tangan /universal precaution
 - pengurusan peralatan tajam
 - ringkasan discaj mengikut masa yang ditetapkan
 - pembuangan sisa klinikal

- ii. Memberi input mengenai sikap, disiplin, pematuhan peraturan-peraturan jabatan dan kemahiran insaniah seseorang PPS kepada penyelia

BAB 9

PELANJUTAN TEMPOH LATIHAN

1. Sebab-Sebab Pelanjutan

Pelanjutan tempoh latihan merupakan suatu keputusan yang perlu dibuat secara objektif oleh Jawatankuasa Latihan Siswazah dan tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya tanpa sebab-sebab yang munasabah. Pada amnya pelanjutan tempoh latihan siswazah dibuat antara lain berdasarkan perkara-perkara berikut :

i. Masalah Kompetensi

Prestasi kerja atau kompetensi yang tidak memuaskan meliputi pengetahuan, kemahiran (skill) dan sikap yang menyebabkan PPS tidak kompeten dan menghalang PPS mengamal dengan selamat.

ii. Bukan Masalah Kompetensi

- a. Pengambilan cuti yang melebihi dari bilangan yang dibenarkan atau gangguan latihan yang menyebabkan latihan terhenti atas sebab-sebab tertentu dan
- b. Alasan lain yang berkenaan seperti buku log tidak lengkap, sikap sambil lewa dan sebagainya

2. Proses Pelanjutan Tempoh Latihan

Pakar penyelia hendaklah mengemukakan cadangan untuk melanjutkan tempoh latihan PPS kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Jawatankuasa Program PPS peringkat hospital. Keputusan mengenai pelanjutan hanya boleh dibuat oleh Jawatankuasa Program PPS peringkat hospital. Perakuan pelanjutan hendaklah dimaklumkan kepada PPS yang berkenaan secara bertulis 2 minggu sebelum posting tamat, walaubagaimanapun sekiranya buku log tidak lengkap, PPS tersebut bolehlah dilanjutkan sehingga buku lognya lengkap.

3. Tempoh Pelanjutan Pertama

3.1 Tempoh pelanjutan ditentukan seperti berikut :

(i) Masalah kompetensi – 3 bulan

Sekiranya PPS didapati tidak mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan termasuklah kemampuan melakukan tagging (seperti dijelaskan dalam Bab 6 para 1) dan Jawatankuasa Program Pegawai Perubatan Siswazah Hospital memutuskan untuk melanjutkan tempoh latihan PPS tersebut maka tempoh pelanjutan pertama adalah selama minima 3 bulan.

(ii) Sebab-sebab selain dari masalah kompetensi – tempoh pelanjutan mengikut kesesuaian.

Bagi sebab-sebab lain misalnya bagi memantapkan lagi pengetahuan dan kemahiran akibat pengambilan cuti melebihi had yang dibenarkan (contoh : cuti bersalin) maka tempoh pelanjutan adalah bersamaan dengan tempoh terputusnya latihan (PPS perlu dilanjutkan bagi menggantikan jumlah hari yang kurang bagi mengenakan tempoh latihan selama 4 bulan). Contoh lain adalah keperluan melengkapkan buku log dan sebagainya.

3.2 Keputusan untuk melanjutkan tempoh latihan samada akibat masalah kompetensi 3(i) atau sebab-sebab lain 3(ii) hendaklah dinyatakan dengan jelas oleh Jawatankuasa Program PPS di hospital.

3.3 Jika didapati pegawai masih tidak kompeten dan tidak dapat diperakukan selepas menjalani tempoh pelanjutan pertama (4 bulan + 3 bulan = 7 bulan) akibat masalah kompetensi seperti dinyatakan pada para 3.1(i) dan tempoh latihan perlu dilanjutkan lagi, maka Jawatankuasa Program PPS di hospital berkenaan mesti mengemukakan laporan penilaian PPS tersebut kepada Urusetia Lembaga Kelayakan Perubatan di Bahagian Perkembangan Perubatan untuk di bawa ke Ketua Pengarah Kesihatan atau ke Mesyuarat Lembaga Kelayakan Perubatan. Sementara menunggu keputusan dari Lembaga Kelayakan Perubatan, PPS perlu dikekalkan di posting semasa.

3.4 Bagi PPS yang terputus latihan selama lebih dari 4 bulan secara berterusan, PPS tersebut perlu mengulangi semula latihan siswazah dari awal. Semua posting yang telah dijalani dan telah diperakukan sebelumnya tidak akan diambilkira. Pertimbangan bagi mengambilkira posting yang telah dijalani dan diperakukan sebelum terputus latihan selama lebih 4 bulan hanya boleh diberikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan atau Lembaga Kelayakan Perubatan dan kebiasaannya atas sebab kesihatan.

4. Pelanjutan Kedua Akibat Masalah Kompetensi Untuk Penilaian Terakhir Di Hospital Lain

Susulan dari penerangan di para 3.3 di atas, PPS yang masih tidak menunjukkan tahap kompetensi yang memuaskan setelah tempoh pelanjutan kali pertama selama 3 bulan (iaitu tempoh keseluruhan latihan PPS melebihi 7 bulan iaitu 4 bulan + 3 bulan) akan ditempatkan ke hospital lain untuk penilaian kedua iaitu penilaian terakhir di posting yang sama. Pertukaran ke hospital untuk penilaian terakhir hanya boleh dilakukan melalui Bahagian Perkembangan Perubatan. Sehubungan dengan itu, pihak hospital perlu mengemukakan laporan lengkap mengenai PPS berkenaan meliputi biodata, kronologi latihan, laporan

setiap posting (sekiranya berkaitan) serta laporan perubatan (jika berkaitan) ke Bahagian Perkembangan Perubatan untuk tindakan selanjutnya bagi dikemukakan kepada Ketua Pengarah Kesihatan. Sekiranya perlu kes tersebut akan dibawa ke Mesyuarat Lembaga Kelayakan Perubatan. PPS dan penyelia mungkin akan dipanggil untuk memberikan penjelasan secara lisan kepada Lembaga Kelayakan Perubatan (LKP).

Tempoh latihan maksima bagi setiap posting adalah satu tahun. Bagi kes-kes terpencil dan dalam keadaan tertentu, Ketua Pengarah Kesihatan selaku Pengerusi Lembaga Kelayakan Perubatan boleh membuat keputusan yang sewajarnya.

5. Penamatan Latihan Siswazah Selepas Tamat Tempoh Perlanjutan Terakhir

Sekiranya prestasi masih tidak memuaskan walaupun telah diberikan peluang bagi tempoh maksima satu tahun, latihan siswazah PPS berkenaan boleh ditamatkan dan seterusnya perkhidmatan pegawai sebagai penjawat awam juga boleh ditamatkan. Faktor-faktor lain yang membolehkan seseorang PPS ditamatkan perkhidmatan sebagai penjawat awam dijelaskan dalam Bab 10 (perkara 8).

BAB 10

ISU-ISU PERKHIDMATAN DAN PENTADBIRAN

1. Kemudahan Cuti

Kemudahan cuti yang diperuntukkan kepada PPS adalah sama seperti penjawat awam lain yang ditetapkan dalam Perintah Am Kerajaan berkait dengan cuti seperti :

i. Cuti Rehat Tahunan

Cuti rehat tahunan adalah jumlah cuti kelayakan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam kepada mana-mana penjawat awam termasuklah PPS iaitu 25 hari setahun bagi lantikan pada/selepas tahun 2009. Ini bermakna setiap bulan cuti rehat yang layak diambil ialah 2 hari atau bersamaan dengan 8 hari bagi satu-satu posting. Perlu dijelaskan di sini bahawa bagi posting pertama maksima cuti rehat yang boleh diluluskan adalah 8 hari sahaja. Ini bermakna pada posting pertama PPS tidak boleh mengambil cuti rehat melebihi 8 hari tertakluk kepada peraturan semasa. Cuti rehat ini dibenarkan dibawa ke tahun hadapan sekiranya tidak dapat dihabiskan dalam tahun semasa iaitu sama seperti penjawat awam yang lain. Kelulusan cuti rehat tahunan yang dipohon adalah tertakluk kepada keputusan Ketua Jabatan. PPS yang tidak hadir bertugas tanpa kebenaran iaitu melebihi kelayakan maka pembayaran emolumen mesti diberhentikan dan proses tindakan tatatertib terhadap pegawai perlu dimulakan. Tindakan tatatertib kepada Ketua Jabatan boleh dikenakan jika gagal melaksanakannya.

ii. Cuti Bersalin, Cuti Menyusukan Anak, Cuti Menjaga Anak, Cuti Paternal (*Paternal Leave*), Cuti Sakit, Cuti Kematian dan Cuti Tanpa Gaji.

Kelayakan cuti ini adalah sama seperti penjawat awam, yang diperuntukkan di dalam Bab 'C' Perintah Am Kerajaan atau peraturan semasa. Kelulusan cuti adalah tertakluk kepada Ketua Jabatan. PPS perlu menggantikan semula tempoh latihan yang terganggu disebabkan oleh cuti-cuti yang beliau layak tersebut bagi memastikan tempoh latihan di setiap posting adalah genap 4 bulan. Sekiranya cuti yang diambil melebihi 4 bulan, maka tatacara latihan adalah seperti yang dinyatakan pada Bab 9 (Para 3.4).

iii. Cuti Rehat Semasa Tempoh Pelanjutan

Bagi PPS yang dilanjutkan latihan, cuti rehat yang dibenarkan sepanjang tempoh pelanjutan tersebut adalah selama 2 hari sahaja bagi setiap bulan tertakluk kepada baki cuti tahunan yang ada.

iv. Perlepasan Hujung Minggu Dan Cuti Kelepasan Am

Dalam Sistem Kerja Fleksi PPS hanya bekerja 5 hari seminggu dan diberikan 2 hari kelepasan mingguan yang tidak semestinya diberikan pada hari Sabtu atau Ahad. PPS juga layak diberikan cuti kelepasan am seperti yang dinyatakan di para 3.1 dan 3.2 surat Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia (KKM/87/P2-1/14-1 Jld 3 (29) bertarikh 29 September 2011.

v. Cuti Sakit Dan Cuti-cuti lain

Sebagai penjawat awam semua PPS layak mendapat cuti sakit atau cuti-cuti lain seperti yang diperuntukan dalam Perintah Am Kerajaan dan peraturan yang ditetapkan dari masa ke semasa.

Perintah Am Kerajaan telah menetapkan bagi cuti sakit yang diberikan secara berpanjangan, perlu mendapatkan kelulusan terlebih dahulu misalnya :

- i. Kurang dari 90 hari perlu mendapat kelulusan Ketua Jabatan / Pengarah Hospital
- ii. Tambahan 90 hari lagi perlu mendapat kelulusan Ketua Setiausaha, KKM
- iii. Melebihi 180 hari cuti sakit maka hospital atau institusi berkenaan boleh menubuhkan Lembaga Perubatan.

PERHATIAN:

- a) Walaupun PPS dibenarkan mengambil cuti seperti yang diperuntukan dalam Bab C Perintah Am Kerajaan, namun jumlah maksima cuti yang dibenarkan kepada PPS tanpa perlu dilanjutkan tempoh latihan dalam setiap posting adalah 10 hari (tidak termasuk cuti hujung minggu atau cuti am). Tempoh 10 hari tersebut meliputi semua cuti yang layak diambil oleh PPS seperti cuti tahunan, cuti sakit, cuti bersalin, cuti tanpa gaji dan lain-lain, tertakluk kepada jumlah cuti yang diluluskan mengikut Perintah Am Kerajaan/Pekeliling Perkhidmatan semasa. Tempoh maksima cuti latihan ditetapkan selama 10 hari bagi memastikan PPS mendapat pendedahan dan latihan yang secukupnya bagi setiap posting. Mana-mana PPS yang telah mengambil cuti melebihi 10 hari bagi setiap posting, maka tempoh latihan PPS berkenaan perlu dilanjutkan mengikut jumlah cuti berlebihan yang telah diambil.
- b) Susulan dari kenyataan di para 1(iii) di atas, adalah dijelaskan bahawa PPS yang dilanjutkan tempoh latihannya, sekiranya telah mengambil cuti lebih dari 2 hari sebulan samada cuti sakit dan/atau cuti lain, PPS perlu mengantikan bilangan hari yang terlebih tersebut.

- c) Contoh : PPS “A” telah diputuskan untuk menjalani tempoh pelanjutan selama 3 bulan. Cuti tahunan beliau telahpun habis, bagaimanapun dalam bulan pertama pelanjutan, beliau telah mendapat cuti sakit selama 14 hari kerana ‘*chicken pox*’. Oleh kerana cuti latihan yang dibenarkan adalah 2 hari sahaja pada setiap bulan, maka beliau perlu menggantikan atau menambah tempoh latihan 8 hari lagi. 14 hari cuti sakit tolak 2 hari cuti rehat yang layak setiap bulan iaitu 6 hari menjadikan jumlah hari yang perlu diganti adalah 8 hari.

2. Penangguhan Tempoh Latihan Siswazah

Pegawai Perubatan Siswazah juga merupakan pegawai kerajaan dan tertakluk kepada Perintah Am Kerajaan dan juga kepada Garispanduan Perlaksanaan Latihan Pegawai Perubatan Siswazah Selama Dua Tahun yang telah diedarkan bersama dengan Perkeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 11/2007 para 3.5 di mana penangguhan latihan adalah tidak dibenarkan dan ketidakhadiran tanpa cuti yang diluluskan perlu diambil tindakan selaras dengan Perintah Am Kerajaan/ peraturan semasa.

Namun PPS boleh mengambil cuti-cuti yang dibenarkan mengikut Perintah Am Kerajaan iaitu cuti rehat, cuti sakit, cuti bersalin dan sebagainya. Oleh yang demikian sekiranya mereka ingin memohon penangguhan latihan siswazah maka terlebih dahulu mereka perlu mendapatkan kebenaran cuti mengikut kelayakan masing-masing. Mana-mana PPS yang tidak hadir bertugas tanpa cuti yang dibenarkan akan dikenakan tindakan penghentian emolumen dan tindakan tatatertib termasuk boleh diberhentikan dari perkhidmatan awam.

Sekiranya latihan terhenti lebih dari 4 bulan, kecuali cuti atas sebab kesihatan, PPS tersebut perlu mengulangi semula latihan siswazah dari awal di mana semua posting yang telah dijalani tidak akan diambilkira seperti dinyatakan pada Bab 9 para 3.4.

3. Pengesahan Perlantikan Dalam Perkhidmatan Dan Perlanjutan Tempoh Percubaan

Antara syarat-syarat perkhidmatan dalam surat Tawaran Perlantikan Sebagai Pegawai Perubatan Gred UD41 yang diberikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pada para 3 (a) menyatakan bahawa PPS diperlukan berkhidmat dalam tempoh percubaan 1-3 tahun dan disahkan dalam perkhidmatan semasa tempoh percubaan setelah memenuhi syarat serta mendapat perakuan dan sokongan oleh Ketua Jabatan. Perkhidmatan boleh ditamatkan jika gagal disahkan dalam tempoh percubaan tersebut.

Bagi PPS yang masih lagi tidak dapat disahkan apabila tamat tempoh percubaan maka menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan iaitu Pengarah Hospital untuk memastikan tempoh percubaan dilanjutkan dengan memohon pelanjutan tempoh percubaan tersebut kepada SPA, mengikut peraturan semasa.

4. Urusan Kenaikan Pangkat

Bagi memastikan urusan kenaikan pangkat ke Gred UD43/UD44 dapat dilaksanakan sepenuhnya dalam masa 4 bulan setelah tamat posting ke lima, semua aspek keperluan perkhidmatan untuk kenaikan ke Gred UD43/UD44 perlulah diambil tindakan segera sebagai contoh, Pendaftaran Penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia (sebagainya seperti yang dinyatakan dalam Bab 5 perkara 2), pengesahan lantikan dan pengesahan dalam jawatan, tapisan keselamatan, pengistiharan harta, Laporan Nilaiann Pertasi Tahunan(LNPT), perakuan Ketua Jabatan dan sebagainya yang ditetapkan dari masa ke semasa.

5. Tidak Hadir Bertugas Tanpa Kelulusan

Pengarah hospital perlu mengambil tindakan terhadap ketidakhadiran tanpa cuti yang diluluskan termasuklah pemotongan emolumen dan tindakan tatatertib yang sewajarnya termasuk buang kerja sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Perintah Am Kerajaan Bab D Bahagian III. Pihak hospital juga boleh merujuk kepada Panduan Mengurus Pegawai Tidak Hadir Bertugas yang dikeluarkan oleh JPA pada Ogos 2010 yang boleh dimuat turun dari laman web JPA.

6. Tindakan Tatatertib

PPS merupakan graduan perubatan yang telah dilantik ke dalam perkhidmatan awam oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mestilah mematuhi peraturan-peraturan perkhidmatan awam yang telah ditetapkan kepada semua penjawat awam. Pelanggaran kepada mana-mana peraturan ini seperti tidak hadir bekerja tanpa cuti yang diluluskan atau yang diperuntukkan kepada penjawat awam, boleh diberhentikan emolumen dan seterusnya dikenakan tindakan tatatertib. Pelanggaran tatatertib yang serius boleh mengakibatkan PPS berkenaan ditamatkan perkhidmatan.

Pihak hospital (hospital KKM atau hospital universiti) bertanggungjawab untuk mengemukakan laporan pelanggaran tatatertib kepada Unit Tatatertib, Bahagian Sumber Manusia, KKM untuk diambil tindakan tatatertib yang sewajarnya.

7. PPS Yang Mempunyai Masalah Kesihatan

i. Pemeriksaan Kesihatan Semasa Lantikan

Semua PPS perlu menjalani pemeriksaan perubatan sama seperti yang diwajibkan terhadap semua penjawat awam lantikan baru, sejajar dengan surat tawaran lantikan dan mengemukakan laporan pemeriksaan tersebut sebelum melaporkan diri untuk bertugas. Sekiranya PPS sedang menghidap penyakit psikiatri, penyakit bawaan darah seperti Hepatitis, HIV/AIDS yang menghadkan PPS mengamal dengan selamat tetapi tidak mengisytiharkan status kesihatan diri dalam borang pemeriksaan kesihatan, mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib kerana membuat perakuan palsu dan penamatan perkhidmatan mungkin boleh dibuat atas dasar melindungi kepentingan awam.

ii. Masalah Penyakit Bawaan Darah

Bagi PPS yang mendapat jangkitan penyakit seperti AIDS/HIV/Hepatitis semasa bertugas (selepas melaporkan diri), mereka perlu mendapatkan rawatan dan memaklumkan kepada pihak MPM melalui Pengarah Hospital dan Ketua Jabatan. Mereka juga perlu dirujuk kepada pakar kesihatan pekerjaan di Cawangan Kesihatan Pekerjaan di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri/ Bahagian Kawalan Penyakit, Ibupejabat KKM, Putrajaya untuk menentukan penempatan pegawai dan kesesuaian pegawai untuk menjalani latihan siswazah (HO) atau mengamal klinikal bagi pegawai perubatan (MO) yang telah mendapat pendaftaran penuh. Mereka juga akan diberi kaunseling, nasihat terhadap prosedur yang boleh dijalankan dan sebagainya seperti yang diputuskan dalam Mesyuarat Kelayakan Perubatan Bil 1/2011. Sila rujuk tatacara Garis Panduan Prosedur Penilaian Tempat Kerja Bagi Pegawai Perubatan Siswazah Yang Mengalami Masalah Kesihatan Penyakit Bawaan Darah yang disediakan oleh Bahagian Kawalan Penyakit dan diedarkan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) menerusi surat KKM/87/P2-1/14-1 Jld 8 (57) bertarikh 9 Januari 2012. Sila juga rujuk Garispanduan *Blood Borne Viral Infection* yang dikeluarkan oleh pihak MPM.

iii. Penal Penilaian Perubatan

Seperti yang dinyatakan di Bab 1 para 1.2 pihak hospital perlu mengenalpasti PPS yang mempunyai masalah kesihatan ini dan memaklumpkannya kepada Majlis Perubatan Malaysia dan kepada Bahagian Perkembangan Perubatan dengan mengemukakan laporan lengkap meliputi laporan perubatan, laporan prestasi pegawai dan maklumat lain yang berkaitan. Sekiranya pendaftaran sementara ditarik balik oleh MPM, maka PPS berkenaan akan ditamatkan latihan dan perkhidmatan. PPS yang digantung pendaftaran

sementara atau tidak dibenarkan mengamal oleh MPM akibat masalah kesihatan sewajarnya diberikan cuti sakit oleh pakar yang merawat. Penempatan PPS berkenaan di Unit Kualiti adalah tidak wajar. Selain itu semua ketetapan MPM misalnya yang memerlukan PPS berkenaan mengemukakan laporan perubatan berkala hendaklah dipatuhi dan sesalinan dikemukakan kepada Bahagian Perkembangan Perubatan.

Seperti yang dinyatakan pada para 1 (v) di atas, PPS yang mempunyai cuti sakit melebihi 180 hari boleh dibawa ke Lembaga Perubatan yang ditubuhkan di peringkat hospital / Jabatan Kesihatan Negeri. (rujuk Garispanduan Penubuhan Lembaga Perubatan Di Jabatan Kesihatan Negeri, Institusi Perubatan Dan Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia – Perkeliling KPK Bil 18/2010).

8. Penamatan Perkhidmatan PPS Sebagai Penjawat Awam

Mengikut Perintah Am Kerajaan seseorang penjawat awam seperti PPS boleh ditamatkan perkhidmatan oleh pelbagai cara misalnya jika melakukan pelanggaran tata tertib yang serius. Sebagai ringkasan penamatan perkhidmatan PPS boleh dilakukan dalam keadaan-keadaan seperti berikut :

- Masalah Kompetensi - Latihan siswazah ditamatkan oleh Lembaga Kelayakan Perubatan
- Pendaftaran Sementara ditarik balik oleh Majlis Perubatan Malaysia atas pelbagai sebab misalnya masalah kesihatan di mana Penal Penilaian Perubatan (*Medical Review Panel*) memutuskan PPS tidak dibenarkan mengamal dan sebagainya.
- Tidak mendapat pengesahan Ketua Jabatan untuk disahkan dalam perkhidmatan misalnya selepas tamat tempoh 3 tahun percubaan setelah dilantik seperti yang ditetapkan oleh SPA.
- Tidak mendapat Pendaftaran Penuh dari Majlis Perubatan Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan.
- Masalah kesihatan – Ditamatkan oleh Lembaga Perubatan (sila rujuk Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 18/2010).
- Masalah ketidakhadiran bertugas tanpa cuti yang diluluskan – ditamatkan oleh Lembaga Tata tertib.
- Penamatan kontrak (bagi PPS lantikan secara kontrak).

Sekiranya PPS yang disyorkan penamatan perkhidmatan tetapi sedang menjalani latihan siswazah di mana-mana Pusat Perubatan Universiti, mereka akan ditempatkan semula di hospital KKM sementara menunggu proses penamatan dilaksanakan.

Adalah diingatkan bahawa Ketua Jabatan/Pihak Hospital bertanggungjawab untuk mengeluarkan surat cadangan penamatan perkhidmatan kepada pihak Bahagian Sumber Manusia KKM selaras dengan peraturan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Tertakluk kepada keputusan dan kelulusan SPA, PPS yang telah ditamatkan perkhidmatan kerana masalah kesihatan, boleh memohon semula untuk dilantik apabila telah sembuh. Bagi PPS yang tidak boleh dilantik semula, mereka sewajarnya dimaklumkan mengenai peluang menukar skim perkhidmatan.

9. PPS Yang Meletak Jawatan

Keputusan untuk meletak jawatan adalah merupakan hak individu penjawat awam termasuklah PPS. Tatacara perletakan jawatan sebagai penjawat awam adalah sepertimana yang digariskan di dalam Perintah Am Kerajaan. Segala dokumen perletakan jawatan perlu diproses dan dikemukakan segera kepada Bahagian Sumber Manusia KKM bagi urusan selanjutnya.

PPS yang meletak jawatan sebelum tamat latihan siswazah tidak boleh menjalankan lokum atau lain-lain tugas klinikal yang berkaitan kerana belum mempunyai Sijil Pendaftaran Penuh. Sekiranya PPS meletak jawatan untuk bekerja sebagai Pegawai Perubatan di luar negara dan pulang semula ke tanah air untuk berkhidmat, mereka mungkin perlu menjalani latihan siswazah dan melaksanakan khidmat wajib tertakluk kepada keputusan dari Majlis Perubatan Malaysia.

Sekiranya PPS yang telah meletak jawatan dan diluluskan (oleh Jawatankuasa Pengambilan Pegawai Kontrak KKM) untuk dilantik semula secara kontrak, semua posting yang telah dijalani dan diperakukan sebelum letak jawatan tidak diambilkira dan PPS tersebut perlu mengulangi semula latihan siswazah dari awal.

10. Penukaran Skim Perkhidmatan

Penukaran Skim Perkhidmatan mungkin boleh dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) tertakluk kepada syarat-syarat pelantikan jawatan baru yang perlu dipohon melalui proses permohonan biasa. PPS boleh memohon bertukar ke skim perkhidmatan yang lain dengan syarat jawatan yang dipohon bersesuaian dengan kelayakan akademik mereka. Permohonan boleh dibuat secara atas talian (*online*) dengan SPA dan seterusnya ke peringkat temuduga jika melepasi tapisan dan proses pemilihan sebagaimana amalan biasa sebelum diluluskan oleh SPA untuk dilantik ke skim lain. Adalah dimaklumkan bahawa pertukaran skim ini tidak dibuat secara automatik. Pihak Hospital boleh memberikan sokongan sekiranya wajar.

11. Penglibatan Dalam Aktiviti Lokum

Akta Perubatan 1971 menyatakan bahawa memandangkan PPS hanya mempunyai Pendaftaran Sementara adalah menjadi satu kesalahan kepada PPS untuk membuat lokum atau terlibat dalam apa jua bentuk perawatan di sektor swasta (*private practice*). PPS yang didapati bersalah terlibat dalam aktiviti-aktiviti tersebut akan dikenakan tindakan oleh Majlis Perubatan Malaysia termasuk Sijil Pendaftaran Sementara ditarik balik. Selain dari itu, MPM juga boleh mengambil tindakan disiplin terhadap PPS berkenaan. Sekiranya MPM mengambil tindakan menarik balik Sijil Pendaftaran Sementara maka PPS tidak lagi boleh mengamal dan perkhidmatan akan ditamatkan.

12. Penempatan Selepas Tamat Latihan PPS

PPS boleh dikekalkan atau ditempatkan keluar dari hospital latihan sedia ada setelah mendapat pendaftaran penuh dari MPM serta selesai menjalani posting ke enam dengan jayanya. Bagaimanapun bagi PPS dari Hospital Kuala Lumpur dan hospital-hospital di Lembah Klang seperti Hospital Ampang, Selayang, Putrajaya, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Hospital Sungai Buloh, Hospital Kajang dan Hospital Serdang serta Pusat Perubatan Universiti Malaya, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia akan ditempatkan keluar dari Selangor dan Lembah Klang ke mana-mana fasiliti perubatan dan kesihatan KKM yang lain untuk berkhidmat sebagai pegawai perubatan berkuatkuasa mulai 2010. Selain dari itu, PPS di Hospital Universiti Sains Malaysia juga akan ditempatkan semula ke fasiliti perubatan dan kesihatan KKM. Sehubungan dengan itu PPS dari semua hospital tersebut perlu mengisi borang permohonan pertukaran keluar. Mana-mana PPS yang telah ditempatkan keluar dan ingkar dengan arahan penempatan tersebut boleh dikenakan tindakan tatatertib. Pihak pengurusan hospital yang tidak mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap PPS yang ingkar ini juga boleh dikenakan tindakan.

Bagi PPS yang menjalani latihan di hospital negeri-negeri lain, penempatan keluar dari hospital latihan ke hospital atau klinik kesihatan di negeri yang sama adalah dibawah tanggungjawab Pengarah Kesihatan Negeri masing-masing. Bagi yang ingin bertukar ke negeri lain, permohonan hendaklah dibuat melalui Pengarah Hospital dan Jabatan Kesihatan Negeri untuk diputuskan di peringkat Kementerian.

Bagi PPS yang menjalani latihan siswazah di hospital universiti dan bercadang untuk meneruskan perkhidmatan di universiti, mereka perlu meletak jawatan terlebih dahulu dari KKM, atau mendapat perlepasan dengan izin dari KKM. Mereka perlu juga mendapat kelulusan Majlis Perubatan Malaysia bagi melaksanakan khidmat wajib di universiti.

13. Lantikan PPS Secara Kontrak

Graduan perubatan juga boleh memohon untuk menjadi PPS secara kontrak dengan syarat-syarat tertentu yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengambilan Pegawai Kontrak KKM. Bagi graduan warganegara Malaysia, pelantikan secara kontrak boleh ditawarkan kepada graduan baru ataupun PPS yang pernah meletakkan jawatan sebelum tamat latihan siswazah atau yang telah ditamatkan perkhidmatan atas sebab kesihatan dan telah disahkan sembuh dan selamat mengamal. Pelantikan tersebut adalah tertakluk kepada syarat dan peraturan semasa yang ditetapkan oleh SPA. PPS yang ditamatkan perkhidmatan misalnya akibat tatatertib tidak layak dilantik semula secara kontrak.

Bagi PPS yang dilantik semula secara kontrak, semua posting yang telah dijalani sebelumnya tidak akan diambilkira walaupun tempoh letak jawatan tersebut tidak melebihi 4 bulan.

Bagi graduan warganegara asing pula, pada dasarnya kerajaan tidak melantik mereka sebagai PPS secara kontrak untuk berkhidmat dengan kerajaan kecuali bagi pemohon yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

14. Kursus Induksi

Setiap PPS diwajibkan untuk mengikuti kursus induksi. Menurut amalan sekarang, kursus induksi ini hendaklah diikuti sebelum memulakan latihan siswazah. Namun di dalam keadaan-keadaan tertentu, di mana kursus induksi mungkin terpaksa dibuat setelah PPS memulakan latihan siswazah, maka PPS berkenaan perlu menggantikan tempoh latihan siswazah bersamaan dengan hari yang diperlukan untuk menghadiri kursus induksi tersebut tidak termasuk hari cuti hujung minggu / kelepasan am.

15. Lain-Lain

15.1 Perkara-perkara teknikal yang tidak dinyatakan dalam Buku Panduan Program Pegawai Perubatan Siswazah, ini akan diputuskan oleh Ketua Pengarah Kesihatan selaku Pengerusi Lembaga Kelayakan Perubatan atau dibawa ke Mesyuarat Lembaga Kelayakan Perubatan.

15.2 Pihak KKM dan Majlis Perubatan Malaysia sentiasa mengkaji dasar dan peraturan perkhidmatan PPS yang sedia ada bagi membuat penambahbaikan yang berterusan. Sehubungan dengan itu beberapa langkah akan diperkenalkan dalam masa terdekat untuk tujuan tersebut antaranya penilaian terhadap penyelia oleh PPS dan pengenalan lain-lain disiplin klinikal sebagai posting wajib untuk latihan PPS. Perkembangan dan penambahbaikan kepada latihan PPS akan dimaklumkan dari masa

ke semasa misalnya melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan, garis panduan serta buku panduan.

- 15.3** Lembaga Kelayakan Perubatan boleh dari masa ke semasa, mengkaji semula dan membuat keputusan berdasarkan keadaan semasa.
- 15.4** Apa-apa jua perkara yang tidak dinyatakan dalam Buku Panduan Program Pegawai Perubatan Siswazah atau lain-lain aspek yang memerlukan penjelasan lanjut akan diputuskan oleh Lembaga Kelayakan Perubatan atau Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia selaku Pengerusi Lembaga Kelayakan Perubatan.
- 15.5** Isu-isu pentadbiran yang berkaitan dengan pengurusan perkhidmatan PPS termasuklah pengesahan dalam jawatan, pelanjutan tempoh percubaan dan penamatan perkhidmatan sebagai penjawat awam perlulah mengikut Perintah Am Kerajaan. Pihak hospital melalui Timbalan Pengarah (Pengurusan) hendaklah menguruskan perkara di atas dan jika tidak jelas hendaklah merujuk kepada Bahagian Sumber Manusia KKM.
- 15.6** Maklumbalas Terhadap Buku Panduan
Sebarang maklumbalas untuk penambahbaikan, sila kemukakan kepada :

Cawangan Pembangunan Profesyen Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6, Blok E1, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

Telefon : 03-8883 1104
Faks : 03-8883 1105

SENARAI HOSPITAL LATIHAN SISWAZAH (JULAI 2012)

Bil	Hospital
1	Hospital Tuanku Fauziah, Kangar
2	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Star
3	Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani
4	Hospital Kulim
5	Hospital Pulau Pinang
6	Hospital Seberang Jaya
7	Hospital Taiping
8	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh
9	Hospital Teluk Intan
10	Hospital Sri Manjung
11	Hospital Kuala Lumpur
12	Hospital Putrajaya
13	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang
14	Hospital Selayang
15	Hospital Serdang
16	Hospital Kajang
17	Hospital Sungai Buloh
18	Hospital Ampang
19	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban
20	Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah
21	Hospital Melaka

Bil	Hospital
22	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar
23	Hospital Sultanah Aminah, JB
24	Hospital Sultan Ismail
25	Hospital Batu Pahat
26	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan
27	Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh
28	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu
29	Hospital Kemaman
30	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu
31	Hospital Tanah Merah
32	Hospital Kuala Krai
33	Hospital Umum Sarawak
34	Hospital Sibul
35	Hospital Queen Elizabeth
36	Hospital Tawau
37	Hospital Miri
38	Hospital Sandakan
39	Hospital Universiti Sains Malaysia
40	Pusat Perubatan UKM
41	Pusat Perubatan UM
42	Hospital Segamat

PENEMPATAN PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH DI HOSPITAL DAERAH BERPAKAR YANG BELUM DIAKREDITASI SEBAGAI HOSPITAL LATIHAN SISWAZAH

KRITERIA HOSPITAL

- i. Mempunyai pakar klinikal yang telah diwartakan. Penempatan di hospital berkenaan hanyalah untuk disiplin-disiplin tertentu sahaja kerana kebanyakan hospital daerah berkenaan tidak mempunyai kesemua disiplin kepakaran asas.
- ii. PPS perlu dibimbing rapi oleh pakar berkenaan dan dibantu oleh pegawai perubatan (*core MO*).
- iii. Mempunyai sekurang-kurangnya 2 orang pegawai perubatan di setiap unit sebelum PPS ditempatkan di unit-unit berkenaan.
- iv. Mempunyai *supporting services* unit dan personel sokongan yang optima.
- v. Penyeliaan buku log setiap PPS yang ditempatkan di Hospital Daerah Berpakar (iaitu sub pusat latihan) adalah dibuat oleh pakar hospital daerah yang terlibat sebagai penyelia pertama, manakala penyelia kedua adalah ketua jabatan hospital induk.
- vi. Pakar bagi disiplin-disiplin tertentu di daerah boleh diambil kira sebagai penyelia utama yang akan membuat laporan kepada PPS di hospital daerah jika posting PPS itu berterusan selama 4 bulan.
- vii. Pihak JKN, khususnya TPKN(P) bertanggungjawab menyelaraskan penempatan PPS dari hospital induk ke hospital daerah termasuk aspek logistik. Hanya PPS yang lebih senior sahaja boleh ditempatkan di hospital daerah, ini bermakna PPS tidak boleh ditempatkan di hospital daerah pada posting pertama. Bagi penempatan untuk posting berikutnya pula, penempatan awal mestilah dimulakan di hospital induk sebelum dihantar ke hospital daerah.

SIDANG PENGARANG

- Penaung** : **Dato' Sri Dr. Hasan Bin Abdul Rahman**
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
- Penasihat** : **Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah**
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Pengerusi** : **Dato' Dr. Azmi Bin Shapie**
Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Setiausaha** : **Dr. Hj. Rohaizat Bin Hj. Yon**
Timbalan Pengarah Kanan
Cawangan Pembangunan Profesyen Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Ahli** : **Dr. Mohd Fikri Bin Ujang**
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Cawangan Pembangunan Profesyen Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Dr. Sabariah Binti Jaafar**
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Cawangan Pembangunan Profesyen Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Dr. Hajjah Shahrum Binti Ismail**
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Cawangan Pembangunan Profesyen Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Hajjah Afizah binti Abd Rahman

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Cawangan Pembangunan Profesyen Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Azni Yusliza binti Yusoff

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Cawangan Pembangunan Profesyen Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia


Dr. Syarifah Noor Anisah Binti Ahmad

Ketua Penolong Pengarah
Cawangan Pembangunan Profesyen Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pn. Keptiah Binti Somadi

Ketua Jururawat
Cawangan Pembangunan Profesyen Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

CATATAN



KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA

PROGRAM
PEGAWAI
PERUBATAN
SISWAZAH

KKM

EDISI 2012